International Journal of Advanced Research in Education and Society
e-ISSN: 2682-8138 | Vol. 6, No. 5, 251-260, 2024
https://asianscholarsnetwork.com/asnet-journals

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP): Manfaat kepada Pelajar di Sekolah Menengah dalam Mempelajari Mata Pelajaran Sejarah

(Project-Based Learning (PBL): Benefits to Secondary School Students in Learning History Subject)

Eileen Lau Hoong Ping[1*], Anuar Ahmad[1]

[1] Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

* Pengarang Koresponden: p130320@siswa.ukm.edu.my

Received: 25 October 2024 | Accepted: 2 December 2024 | Published: 31 December 2024

DOI: https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.5.24

Abstrak: *Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan salah satu amalan yang boleh diterapkan dalam mata pelajaran sejarah di sekolah menengah. Mata pelajaran sejarah bertujuan untuk mewujudkan semangat perpaduan, memupuk semangat patriotik serta menghargai budaya dan warisan negara di kalangan murid. Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan pembelajaran aktif dan juga dapat menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis di kalangan murid. Tujuan kertas konsep ini adalah untuk membincangkan tentang manfaat pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek di kalangan murid dalam mempelajari sejarah. Selain itu, kertas konsep ini juga menyatakan tentang cabaran pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek oleh guru sejarah di sekolah menengah. Kertas konsep ini secara amnya menunjukkan pelaksanaan PBP dalam proses pembelajaran menyumbang banyak manfaat kepada murid dalam mempelajari sejarah. Kertas konsep ini diharapkan dapat memberi pedagogi alternatif kepada guru-guru Sejarah untuk meningkatkan minat dan motivasi murid dalam mempelajari mata pelajaran sejarah. Kesimpulannya, aktiviti Pembelajaran Berasaskan Projek harus dilaksanakan oleh guru kerana dapat meningkatkan motivasi dan minat murid dalam mempelajari mata pelajaran sejarah.*

Kata kunci: Pembelajaran Berasaskan Projek, manfaat, cabaran, Mata Pelajaran Sejarah

Abstract: *Project Based Learning Method (PBP) is one of the practices that can be applied in history subjects in high school. History subjects aim to create a spirit of unity, foster a patriotic spirit and appreciate the culture and heritage of the country among students. Project Based Learning Method is active learning and can also encourage creative and critical thinking among students. The purpose of this concept paper is to discuss the benefits of implementing project-based learning among students in learning history. In addition, this concept paper also states about the challenges of implementing project-based learning by history teachers in secondary schools. This concept paper generally shows that the implementation of PBP in the learning process contributes many benefits to students in learning history. This concept paper is expected to provide an alternative pedagogy to History teachers to increase students' interest and motivation in learning history subjects. In conclusion, Project Based Learning activities should be implemented by teachers because they can increase students' motivation and interest in learning history subjects.*

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Keywords: Project Based Learning, benefits, challenges, History Subjects

1. Pendahluan

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 -2025 yang bertujuan untuk memperkasakan sistem pendidikan negara secara berterusan. Salah satu strategi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan pelajar menghadapi cabaran abad ke-21 adalah dengan melengkapkan para guru pelatih di semua institusi perguruan dengan alternatif pendekatan pengajaran dan penilaian yang berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) (Nursyawalina, 2022). Subjek sejarah diberi penekanan apabila kerajaan menjadikan subjek tersebut sebagai mata pelajaran teras yang wajib lulus di peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejak tahun 2013. Oleh itu, Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan kaedah pembelajaran yang berpusat murid dapat membawa manfaat dengan bimbingan daripada guru sejarah.

Pembelajaran berasaskan projek merupakan satu kaedah pembelajaran yang dijalankan dalam satu tempoh masa tertentu. Kaedah pembelajaran ini biasanya dijalankan secara individu atau berkumpulan untuk mencapai sesuatu tujuan. Pembelajaran berasaskan projek menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif. Mata pelajaran Sejarah sering dianggap sebagai menghafal fakta dan membosankan murid. Maka, suasana pembelajaran yang menarik seperti pembelajaran berasaskan projek sesuai dilaksanakan oleh guru sejarah di kalangan murid di sekolah menengah dari tingkatan satu hingga tiga. Pembelajaran berasaskan projek dalam mata pelajaran sejarah juga memerlukan kemahiran inkuiri.

Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa pembelajaran berasaskan projek sememangnya memberi manfaat kepada para murid dan guru. Pembelajaran berasaskan projek juga memberi ruang dan peluang kepada murid untuk belajar mengikut kebolehan serta meningkatkan keupayaan mereka berfikir secara kritis dan kreatif (Nursyawalina Sulung, 2022).

2. Sorotan Literatur

Pembelajaran berasaskan projek adalah suatu strategi pembelajaran dan pengajaran yang berpusatkan pelajar. Pembelajaran berasaskan projek berunsurkan pembelajaran aktif. Pembelajaran aktif bermaksud murid akan melibatkan diri dalam memahami fakta, idea dan kemahiran dengan menyempurnakan tugasan dan aktiviti yang telah diberikan oleh guru (Nursyawalina, 2022). Dalam pembelajaran aktif, guru hanya memastikan pelajar mampu mempraktikkan ilmu yang telah diajar dalam tugasan yang diberikan. Pembelajaran aktif adalah amat penting kerana dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mengurangkan kebosanan di kalangan murid terutama dalam mata pelajaran sejarah. Hal ini demikian kerana dalam kaedah pembelajaran berasaskan projek, murid sering dikehendaki melibatkan diri dalam aktiviti seperti kerja berkumpulan, perbincangan, membuat pembentangan dan lain-lain. Pembelajaran berasaskan projek juga dapat membantu meningkatkan pelbagai kemahiran dan nilai murni pelajar seperti kemahiran komunikasi dan nilai bertanggungjawab (Muhammad Zaim, 2019).

Seterusnya, terdapat kajian mendapati bahawa murid kurang minat mata pelajaran sejarah atas faktor cara penyampaian pengajaran guru yang kurang memberangsangkan dan membosankan (Norakma, 2015). Hal ini demikian kerana kebanyakan guru sejarah masih menggunakan

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

kaedah berbentuk tradisional yang kurang berpusatkan murid. Minat mempelajari sejarah harus dipupuk oleh semua guru di kalangan murid sejak mereka berada di tingkatan satu. Oleh itu, bagi menarik minat pelajar terhadap sejarah, kaedah pembelajaran berasaskan projek sesuai dilaksanakan kerana melibatkan murid secara aktif dalam waktu mata pelajaran sejarah.

Pembelajaran berasaskan projek juga boleh membantu murid menguasai kemahiran komunikasi, berfikir aras tinggi, kolaborasi dan kreatif (Raja Liyana, 2023). Melalui PBP, murid juga mempunyai keyakinan untuk bekerjasama dengan guru dan rakan mereka apabila mereka diberikan tugasan. Kaedah pembelajaran berasaskan projek juga dapat meningkatkan kefahaman murid dalam memahami sesuatu tajuk yang telah dipelajari. Contohnya, apabila murid diberikan tugasan berkaitan dengan tajuk perluasan kuasa British di negeri Pulau Pinang, murid akan berusaha mencari pelbagai maklumat berkaitan dengan penjajahan kuasa Barat. Pembelajaran Berasaskan Projek juga membolehkan murid mencari bahan yang diperlukan dengan menggunakan pelbagai sumber seperti sumber digital sejarah. Penggunaan pelbagai sumber boleh memberi peluang kepada murid melibatkan diri dalam aktiviti penerokaan supaya dapat menguasai tajuk berkaitan peluasan kuasa British di Pulau Pinang dengan lebih baik.

Kajian yang dijalankan oleh Maria Pilar (2024) menyatakan bahawa penggunaan kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan salah satu kejayaan dalam memahami masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar universiti dalam mempelajari pelbagai aspek Sejarah Purba dan mengaplikasikannya dalam tugas mereka sebagai guru di sekolah menengah. Pembelajaran Berasaskan Projek mempunyai banyak kelebihan seperti mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan kolaboratif di kalangan murid dalam mempelajari mata pelajaran sejarah. Menurut kajian yang dijalankan oleh Maria Pilar (2024), terdapat sebanyak 74 % bersetuju bahawa kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek membawa faedah kepada guru. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Maria Pilar (2024) juga menunjukkan terdapat sebanyak 83 % responden percaya bahawa interaksi murid dengan guru akan bertambah baik setelah melaksanakan pembelajaran berasaskan projek. Dalam kajian yang dijalankan oleh Maria Pilar, terdapat sebanyak 85% menyatakan bahawa Pembelajaran Berasaskan Projek adalah berkesan dalam memberi inspirasi kepada murid untuk meneroka dalam mempelajari sejarah.

Menurut Alice Lai (2021), pembelajaran berasaskan projek dianggap sebagai salah satu pedagogi yang menarik dan menjadi populasi di kalangan pelajar di negara Amerika Syarikat. Terdapat enam ciri pedagogi yang penting dalam pembelajaran berasaskan projek iaitu soalan memandu, fokus kepada matlamat pembelajaran, melibatkan diri dalam amalan sahih, kerjasama, menggunakan alatan teknologi dan penciptaan artifak. Menurut Alice Lai (2021), tujuan pembelajaran berasaskan projek adalah untuk memudahkan pencapaian pelajar dalam objektif dan standard kurikulum yang telah ditetapkan. Guru memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar dalam mereka bentuk projek. Selain itu, sifat kerjasama juga dipupuk di kalangan pelajar menerusi pembelajaran berasaskan projek. Menurut Alice Lai (2021), pembelajaran berasaskan projek boleh dilaksanakan dengan berkesan menggunakan alat teknologi seperti melalui kelas dalam talian. Menurut Cecelia Aying et al. (2019), penggunaan teknologi digital dapat menambah baik kefahaman dan penguasaan murid dalam mempelajari mata pelajaran sejarah.

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

3. Ciri-ciri Pembelajaran Berasaskan Projek

Terdapat lima ciri pembelajaran berasaskan projek iaitu kurikulum, berpusatkan murid, penyiasatan konstruktif, autonomi dan realistik (John Thomas, 2000). Kaedah pembelajaran berasakan projek menekankan kepada proses pemahaman murid terhadap sesuatu konsep pembelajaran dan membolehkan kemahiran berfikir murid dapat berkembang sepanjang dalam proses pembelajaran. Oleh itu, dalam konteks pembelajaran sejarah, murid sering didedahkan kepada kronologi peristiwa sejarah yang memerlukan mereka untuk menganalisis dan menilai setiap peristiwa tersebut.

4. Manfaat Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Murid dalam Mempelajari Subjek Sejarah.

Sejarah merupakan subjek teras yang amat penting dan merupakan subjek wajib lulus di peringkat SPM di Malaysia. Semua guru sejarah memainkan peranan amat penting dalam usaha meningkatkan minat dan motivasi murid dalam mempelajari mata pelajaran Sejarah. Format ujian mata pelajaran Sejarah juga mempunyai bahagian menjawab soalan struktur dan esei. Oleh itu, kemahiran menulis esei juga amat penting untuk membantu murid mendapat markah yang tinggi dalam Sejarah. Pembelajaran berasaskan projek juga membawa manfaat seperti mampu membantu murid untuk meningkatkan kemahiran menulis esei (Raja Liyana, 2023). Dapatan kajian Monica dan Zamri (2020) menunjukkan bahawa setelah dilaksanakan pembelajaran berasaskan projek, jumlah murid yang mendapat markah cemerlang dalam penulisan karangan dalam ujian akhir telah meningkat berbanding dengan ujian awal.

Seterusnya, terdapat dapatan kajian menunjukkan bahawa PBP dapat membantu peningkatan murid dalam markah ujian, masalah penulisan dikurangkan serta penghasilan buku skrap yang menepati tugasan dan kriteria penilaian (Monica, 2020). Menurut kajian lepas, dapatan kajian Monica dan Zamri (2020) menunjukkan semua buku skrap yang dihasilkan oleh peserta kajian adalah menepati tugasan. Menurut Monica dan Zamri (2020), peserta yang terlibat dalam menghasilkan buku skrap dapat menyampaikan isi dengan baik, jelas dan menarik selepas pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan projek. Sejarah mempunyai dua kertas ujian di peringkat SPM. Kertas 1 ialah berbentuk aneka pilihan jawapan dan kertas 2 berbentuk soalan struktur dan esei. Kertas 2 menyumbang markah paling tinggi. Oleh itu, murid perlu menguasai soalan dan kemahiran menulis untuk mendapat markah lebih tinggi.

Selain itu, pembelajaran berasaskan projek juga membolehkan murid menguasai Kemahiran Pemikiran Sejarah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat memberi penekanan tentang penerapan KPS oleh guru sejarah di kalangan pelajar. Hal ini demikian kerana Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) ialah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Menurut kajian lepas Muhammad Zaim (2021), dapatan kajian yang dijalankan telah membuktikan bahawa Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) mempunyai potensi dalam meningkatkan tahap penguasaan KPS pelajar. Keputusan dapatan kajian Muhammad Zaim (2021) menunjukkan bahawa purata skor tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah ke atas kumpulan rawatan yang diajar dengan kaedah PBP adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan yang diajar dengan kaedah tradisional. Selain itu, dalam dapatan kajian Muhammad Zaim, kumpulan rawatan yang diajar dengan kaedah PBP mempunyai tahap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah yang lebih tinggi dalam ujian pasca berbanding dengan ujian pra.

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek juga dapat menangani masalah pembelajaran murid yang kurang berminat dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berbentuk konvensional.Kaedah konvensional akan menyebabkan murid cepat berasa bosan dan seterusnya hilang minat dan motivasi mempelajari mata pelajaran Sejarah. Menurut dapatan kajian Maria Pilar (2024), terdapat 75 % orang pelajar bersetuju bahawa pengajaran sejarah tidak seharusnya berasaskan pembelajaran hafalan. Pembelajaran Berasakan Projek dapat merangsang kemahiran dan sifat ingin tahu di kalangan murid sehingga mereka dapat menyiapkan sesuatu tugasan yang diberikan (Kissanraj, 2022). Oleh itu, Pembelajaran Berasaskan Projek diperlukan kerana merupakan kaedah pembelajaran yang melibatkan aktiviti berbentuk penerokaan, penyiasatan dan persoalan**.**

Pembelajaran berasaskan projek ialah model pembelajaran berasaskan teori konstruktivisme. Pembelajaran Teori Konstruktivisme adalah kaedah pengajaran yang memusatkan pelajar, kaedah projek, menyelesaikan masalah, perbincangan. Menurut Nurul Farhana (2017), konstruktivisme membolehkan bagaimana pelajar boleh membina pengetahuan berdasarkan pengalaman yang telah mereka temui dalam kehidupan. Oleh itu, teori konstruktivisme amat penting dalam pembelajaran berasaskan projek. Menurut Desti Dewi (2024), teori konstruktivisme mampu meningkatkan pemahaman yang mendalam, penglibatan aktif, melalui refleksi, perbincangan dan interaksi sosial di kalangan pelajar. Oleh itu, guru sejarah perlu merancang pembelajaran berasaskan projek yang sesuai dengan mengambil kira semua aspek yang berkaitan dengan tahap dan keupayaan murid.

Kaedah PBP juga memberi berbagai-bagai ciri positif kepada murid (Noor Erma & Kwan, 2017). Antara ciri positif tersebut ialah dari segi sikap, nilai, minat dan keseronokan murid dalam mempelajari mata pelajaran Sejarah. Guru perlu menguasai pelbagai kaedah pedagogi yang berpusatkan murid dan mendorong suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Murid yang mempunyai ciri-ciri positif mempelajari lebih cenderung untuk berusaha untuk mendapat keputusan yang baik dalam mata pelajaran sejarah. Oleh itu, kaedah PBP adalah amat sesuai dilaksanakan oleh guru dalam mata pelajaran sejarah di sekolah menengah.

Di samping itu, pembelajaran berasaskan projek dapat membantu meningkatkan motivasi murid untuk mempelajari sejarah. Motivasi adalah amat penting kepada semua orang dalam kehidupan seharian. Murid yang mempunyai tahap motivasi yang tinggi akan lebih berusaha dalam menyelesaikan tugasan kertas projek yang diberikan oleh guru kepada mereka. Murid yang kurang bermotivasi perlu dibimbing oleh guru dalam proses menyiapkan tugasan yang telah diberikan. Tuntasnya, pembelajaran berasaskan projek berupaya memupuk dan mendorong sikap minat, memberi tumpuan di kalangan murid dalam mempelajari sejarah. Pembelajaran berasaskan projek amat sesuai dilaksanakan oleh guru sejarah di kalangan murid dari Tingkatan satu hingga tiga kerana bukan kelas berfokus peperiksaan penting. Ketua Panita sejarah boleh mengadakan perbincangan dengan guru sejarah yang mengajar menengah rendah tentang tajuk kerja kursus yang sesuai yang boleh dilaksanakan melalui kaedah pembelajaran berasaskan projek.

Teori kolaboratif juga dapat diterapkan dalam pembelajaran berasaskan projek. Kemahiran kolaboratif juga merupakan salah satu kemahiran yang perlu diaplikasikan dalam pembelajaran berasaskan projek kerana dapat membantu pelajar berinteraksi antara satu sama lain untuk mencapai satu matlamat khusus. Menurut Lina Fathi (2022), pembelajaran kolaboratif dapat menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pembelajaran aktif. Maka, teori kolaboratif diperlukan dalam pembelajaran berasaskan projek kerana memerlukan penerokaan apabila murid akan bekerjasama dalam kumpulan untuk menyiapkan tajuk projek yang diberikan.

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Penerapan teori kolaboratif juga memberi peluang kepada guru untuk menilai bagaimana murid bekerjasama dalam kumpulan dan mengambil tindakan yang sesuai untuk menggalakkan penglibatan semua murid melalui pembelajaran berasaskan projek. Menurut Sin (2022), pembelajaran berasaskan projek bukan sahaja boleh dijadikan pedagogi yang baik di dalam bilik darjah tetapi juga dapat membantu mereka dalam pembangunan kemahiran abad ke-21.

5. Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek oleh guru dalam mata pelajaran sejarah

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru mata sejarah di Malaysia ialah kesuntukan waktu pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran sejarah. Kesuntukan waktu sering dikaitkan dengan waktu pengajaran dan pembelajaran (Pdp) untuk mata pelajaran sejarah yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi peringkat sekolah menengah adalah 2 jam atau 4 waktu dalam seminggu (Norrolnadia & Shahabuddin, 2022). Maka, waktu yang ditetapkan oleh KPM untuk subjek sejarah adalah tidak mencukupi bagi guru sejarah untuk menghabiskan tajuk sukatan yang banyak. Keadaan ini seterusnya menyebabkan ramai guru sejarah tidak sempat melaksanakan pembelajaran berasaskan projek yang memerlukan masa yang panjang serta pelaksanaan aktiviti PAK-21 juga tidak dapat dijalankan.

Seterusnya, cabaran yang dihadapi oleh guru ialah faktor kurikulum pembelajaran yang tidak direka cipta khusus untuk penggunaan PBP (Aldabbus, 2018). Jika guru ingin melaksanakan kaedah PBP, guru perlu menetapkan sendiri langkah melaksanakan dan pada masa yang sama perlu menghabiskan sukatan pelajaran. Pelaksanaan PBP dianggap memakan masa yang panjang dan juga melambatkan sukatan pelajaran dihabiskan (Nursyawalina, 2022). Guru sejarah sering menghadapi kekangan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran dengan cepat. Oleh itu, guru sejarah tidak dapat melaksanakan kaedah PBP yang dianggap membuang masa dan tidak penting kepada murid. Maka, guru Sejarah akan terus menggunakan kaedah tradisional yang dianggap lebih senang tanpa menyedari kekerapan menggunakan kaedah tersebut mewujudkan suasana pembelajaran yang membosankan dan pasif di kalangan murid.

Penggunaan alatan teknologi yang berbeza semasa melaksanakan PBP dan dokumentasi yang berkaitan juga menjadi salah satu cabaran kepada guru di sekolah menengah. Sebelum guru melaksanakan PBP, guru perlu tahu kaedah penilaian yang sesuai digunakan untuk menilai kualiti murid ketika melaksanakan PBP. Murid akan hilang motivasi dan usaha dalam melaksanakan PBP sekiranya guru tidak membimbing mereka. Maka, latihan dan kursus berkaitan kaedah PBP perlu diberikan kepada para guru di sekolah menengah khususnya dalam mata pelajaran seperti Sejarah dan Geografi di peringkat menengah rendah. Kursus dan latihan yang diberikan dapat membantu guru mata pelajaran tersebut mengenal pasti dan melaksanakan PBP dengan lebih berkesan.

Selain itu, kekurangan sumber bahan sejarah di perpustakaan sekolah dan kemudahan teknologi juga menjadi cabaran kepada guru melaksanakan PBP. Kebanyakan perpustakaan sekolah tidak mempunyai bahan-bahan bacaan dan rujukan Sejarah yang mencukupi. Sekolah di kawasan pedalaman juga sering menghadapi masalah ketiadaan perkhidmatan Internet dan kekurangan bahan-bahan rujukan Sejarah. Teknologi memainkan peranan penting kepada murid kerana memudahkan pencarian maklumat yang meluas (Noor & Nasri, 2021). Pihak sekolah di kawasan pedalaman juga menghadapi masalah peruntukan untuk membeli bahan bacaan sejarah yang mencukupi untuk perpustakaan sekolah. Justeru, pihak KPM perlu

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

menyediakan komputer yang mencukupi serta kemudahan Internet untuk membantu guru Sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik seperti PBP.

Di samping itu, cabaran pelaksanaan PBP juga berpunca daripada kekurangan guru berpengalaman mengajar sejarah di sekolah. Isu tersebut sering berlaku di sekolah pedalaman berbanding dengan sekolah di bandar. Guru yang baru masih kurang kemahiran dan kurang menguasai kaedah PBP dan isi kandungan berbanding dengan guru yang berpengalaman. Guru berpengalaman telah menghadiri banyak taklimat, kursus dan bengkel yang berkaitan dengan cara menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah, PBP dan kaedah membimbing pelajar menjawab soalan KBAT dalam subjek sejarah. Menurut Peter (2019), dalam kajiannya mendapati bahawa kekurangan pengalaman dalam PBP juga menyebabkan guru tidak dapat menyediakan bahan serta mewujudkan peristiwa penting atau isu yang berkaitan untuk mendorong murid berfikir dan bekerjasama dalam melaksanakan projek.

6. Cadangan Kajian Lanjutan

Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek di Malaysia telah membuka ruang yang luas kepada penyelidik untuk melaksanakan kajian berkaitan dengan pelaksanaannya dari pelbagai aspek sudut pandang khususnya kepada pendidik di sekolah dalam mata pelajaran Sejarah. Perubahan pendidikan pada abad ke 21 telah memberi banyak kesan kepada sistem, kurikulum serta pengajaran dan pembelajaran guru dan murid di sekolah. Kajian harus menilai kesan kemahiran PBP terhadap sikap pembelajaran dan keputusan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah. PBP dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang berpusatkan murid dan membolehkan mereka melibatkan diri secara aktif semasa waktu pembelajaran Sejarah. Penyelidikan jangka panjang diperlukan supaya guru Sejarah dapat melihat keberkesanan PBP dapat meningkatkan minat dan motivasi murid dalam mempelajari mata pelajaran Sejarah dan meningkatkan pencapaian mereka dalam ujian di sekolah.

7. Implikasi

Kajian ini mengkaji bagaimana pembelajaran berasaskan projek dapat dilaksanakan dalam mata pelajaran sejarah dengan memberi penekanan kepada manfaat kepada murid. Pembelajaran berasaskan projek dapat membantu meningkatkan kemahiran penulisan murid, menguasai Kemahiran Pemikiran Sejarah, menangani masalah pembelajaran konvensional yang kurang diminati oleh murid, mewujudkan suasana pembelajaran berpusatkan murid dan bekerjasama dalam kumpulan. Selain itu, pembelajaran berasaskan projek juga mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan di kalangan murid dalam mata pelajaran sejarah. Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang sering kurang diminati oleh murid atas faktor berbentuk hafalan dan kaedah pengajaran sesetengah guru yang berbentuk konvensional.

Selain itu, kajian ini juga menyatakan tentang cabaran yang dihadapi oleh guru sejarah dalam melaksanakan pembelajaran berasaskan projek. Cabaran tersebut ialah kekurangan waktu pembelajaran mata pelajaran sejarah, kurikulum pembelajaran yang tidak menekankan pembelajaran berasaskan projek dan kemudahan alatan teknologi yang terhad terutama di sekolah pedalaman. Kekurangan sumber bahan sejarah dan kekurangan guru berpengalaman turut menjadi cabaran dalam melaksanakan pembelajaran berasaskan projek dalam mata pelajaran sejarah di sekolah menengah. Oleh itu, kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan dalam usaha melaksanakan pembelajaran berasaskan projek dengan berjaya dalam mata pelajaran sejarah.

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Dalam memastikan pembelajaran berasaskan projek dapat dilaksanakan dengan berkesan, semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung memainkan peranan penting terhadap dasar baharu sistem pendidikan di Malaysia. Selain guru dan murid, pihak KPM, JPN, PPD, pentadbir sekolah, ibu bapa dan komuniti juga memainkan peranan amat penting dalam pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek dalam pendidikan. Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang sangat penting dan akan menjadi cabaran sekiranya kaedah pengajaran subjek tersebut tidak dilaksanakan dengan baik.

8. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pembelajaran berasaskan projek sememangnya membawa banyak manfaat kepada murid dalam proses pembelajaran Sejarah. Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan kaedah pembelajaran yang sesuai dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah kerana dapat memperkembangkan potensi pelajar dari aspek pemikiran kritikal, komunikasi, kolaboratif dan kreativiti. Kaedah pembelajaran berasaskan projek amat sesuai dilaksanakan oleh pihak sekolah di kalangan murid Tingkatan 1 hingga 3. Kaedah pembelajaran berasaskan projek juga merupakan salah satu kaedah pembelajaran abad ke-21 dan amat sesuai dilaksanakan dalam mata pelajaran sejarah. Oleh itu, guru sejarah memainkan peranan penting dengan membimbing murid ketika melaksanakan pembelajaran berasaskan projek.

Selain itu, kajian ini juga memberi gambaran dan idea kepada guru tentang manfaat yang diperoleh murid selepas pembelajaran berasaskan projek dilaksanakan dalam mata pelajaran sejarah. Pembelajaran berasaskan projek mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta dapat meningkatkan motivasi dan minat di kalangan murid untuk mempelajari mata pelajaran sejarah. Oleh itu, pembelajaran berasaskan projek harus dilaksanakan dalam menarik minat murid mempelajari mata pelajaran sejarah. Sokongan daripada pihak sekolah dan ibu bapa murid juga amat penting supaya PBP dapat dilaksanakan dengan berjaya. Pembelajaran berasaskan projek dapat memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka bahan pembelajaran yang lain menggunakan sumber pertama dan sumber kedua. Oleh itu, kerjasama daripada pihak sekolah juga amat penting dalam usaha membantu guru dan murid supaya dapat melaksanakan pembelajaran berasaskan projek dengan berjaya.

Penghargaan
Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah penyelia, iaitu Dr. Anuar Ahmad dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas bimbingan dan sokongan yang telah diberikan oleh beliau sepanjang tempoh penulisan kertas konsep ini.

Rujukan

Ahmad Salehee bin Abdul, Dr. Mardiana binti Nordin, Dr.Sufian bin Mansor & Ishak bin Saidoo. 2017.*Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sejarah Tingkatan 2 Buku Teks.* Kuala Lumpur: DBP.

Aldabbus, S. 2018. Project-Based Learning: Implementation & Challenges. *International Journal of Education, Learning and Development,* 6(3): 71–79.

Alice Lai. 2021.Creating project-based learning for online art classrooms. *Journal of effective teaching in higher education* 4(1). DOI: https://doi.org/10.36021/jethe.v4i1.66.

Azharudin bin Mohamed Dali, Mohd bin Samsudin & Sharifah Afidah binti Syed Hamid. 2016. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sejarah Tingkatan 1 Buku Teks.* Kuala Lumpur: DBP.

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod. 2017. Keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian dan motivasi murid sekolah menengah dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ*). Vol. 7, Bil. 1 (Mei 2017): 11-23.

Cecelia Aying, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad. 2019. The use of digital technology as a medium of teaching and learning history education. *The 2nd International Conference on Sustainable Development & Multi-Ethnic Society Social Sciences, Education and Humanities* (GCSSSEH), 2:151-155.

Chong Oi Min & Mohammad Tahir Mapa. 2021. Pembelajaran berasaskan projek dalam mata pelajaran geografi. *Malaysian Journal Society and Space*, 17(1),268-282.

Dr. Azharudin bin Mohamed Dali Ridzuan bin Hasan dan Muslimin Bin Fadzil. 2018. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sejarah Tingkatan 3 Buku Teks.* Kuala Lumpur: DBP.

Dr. Lina Fathi Sidig Sidgi. 2022. The benefits of using collaborative learning strategy in higher education. *International Journal of English Literature and Social Sciences*. 7(6), ISSN 2456-7620.

Eladi, M. A., & Guraya, S. Y. 2022. Measuring the Effectiveness of Faculty Feedback on the use of an active integrated instructional pedagogy for the embryology course. *Journal of Taibah University Medical Sciences*, 17(1), 120-127.

Hanita Ladjaharun & Mohd Asri Mohd Noor. 2024. Pengajaran dan pembelajaran digital mata pelajaran sejarah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society.* 6(1): 322-336.

Kaviza, M. 2019. Hubungan penerapan elemen kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah dalam kalangan murid. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1):30-38.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 3: Sejarah.

Kissanraj Nagaraj & Muhammad Sofwan Mahmud. 2022. Kesan pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PBL) dalam pendidikan matematik: Tinjauan Literatur Bersistematik (SLR). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4):260-274.

Lezah Binti Klamsin, & Rosy Binti Talin. 2018. Kaedah pengajaran Sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2):137-145.

Maria, P.M.T. 2024. Ancient history education through project-based learning. *The Journal of Classics Teaching*, 1-6.

Mehnaz Beguma, Maryam Imadb, Faisal Khanc & Riasat Alid. 2023. Effects of project-based learning on students' academic achievement in the subject of social studies at the elementary level. *CARC Research in Social Sciences*, 2(4):260-265.

Monica Laina Tonge & Zamri Mahamod. 2020. Kesan pembelajaran berasaskan projek terhadap kemahiran menulis karangan murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 45(1):12-20.*

Muhammad Zaim Najmi Mohd Rahim, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. 2021. Pembelajaran berasaskan projek terhadap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah. *Jurnal Personalia Pelajar,* 24 (1):1-10.

Muhammad Zaim Najmi Mohd Rahim. 2019. Project based learning-Improving historical thinking skills ability. *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities (GCSSSEH)*, 2: 64-68

Nadiah Abdul Kadir & Khairul Azha Jamaludin. 2022. Cabaran guru dalam pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek mod teradun dalam konteks sekolah di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN: 2504-8562),7(12).*

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Niveetha Mookan, Abdul Razaq Ahmad, & Norasmah Othman. 2021. Pendekatan kepelbagaian pengajaran dari aspek penyampaian,alat bantu mengajar, pedagogi dan peneguhan dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(1):227-238.

Norul Haida Bt. Redzuan, Zulkifli Osman & Abdullah Yusof. 2017. Keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *9th International Conference on Language, Education, Humanities and Innovation 10th & 11th May,2018.*

Norrolnadia Binti Tajudin & Shahabudin Bin Hashim. 2022. Medium aplikasi atas talian dalam pembelajaran sejarah di luar waktu persekolahan. *Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*.7(7): 1-10.

Nursyawalina Sulong & Siti Nurhanifah Sulung. 2022. Implementasi pembelajaran berasaskan projek (PBP): manfaat dan cabaran kepada pelajar dan guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN: 2504-8562*). 7(10): 2-14.

Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Nur Azuki Yusuff. 2019. Kaedah pembelajaran sejarah berasaskan lawatan ke muzium. *Journal of Language,Communication and Humanities*. 2(1):45-57.

Nurul Farhana Jumaat, Zaidatun Tasir, Noor Dayana Abd Halim & Zakiah Mohamad Ashari.2017. *American Scientific Publisher.* 23(8):7904-7906.

Pusparani a/p Nagendran & Anuar Ahmad. 2021. Tahap keupayaan pelajar terhadap menggunakan sumber digital sejarah dalam pembelajaran kendiri. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2):236-242.

Raja Liyana Raja Zahri & Norasmah Othman. 2023. Kaedah pembelajaran berasaskan projek dan minat murid terhadap subjek perniagaan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5 (2): 14-25.

Sintya, D. D., Prastiwi, D. A, Khansa, T. P., Marini, A., & Yunus, M. 2024. Penerapan teori belajar konstruktivisme dalam pembelajaran IPS di SD.Sindoro: *Cendikia Pendidikan*, 7(10):1-10.

Sin,W. L., Rosmawijah Jawawi, Jainatul Halida Jaidin & Roslinawati Rosian. 2023. Learning history through project based- learning. *Journal of Education and Learning (EduLearn*). 17(1):67-75.

Thomas, W. J. 2000. A Review of Research on Project-Based Learning. California: The Autodesk Foundation. Retrieved November 19, 2008, from http:/www.autodesk.com/foundation.

Yin, E. L. & Abd Rahman, Harith. 2023. Kesan pembelajaran berasaskan projek terhadap motivasi pembelajaran bahasa Cina. *Asian Pendidikan, ISSN:2735-2331*. 3(1): 45-53.

Copyright © 2024 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved